

Lihat iklan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam iklan tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan. **KLOHP13**

TEMPAT MENARIK DI NEGERI SEMBILAN

Pantai Port Dickson

Aktiviti:

- Mandi-manda dan bermain *jet ski* dan *banana boat*



Berdekatan dengan tempat penginapan dan kedai makan

Sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

Hutan Lipur Gua Batu Maloi

Sesuai untuk peminat aktiviti lasak yang ingin menjelajah dan menerokai gua. Para peserta perlu melalui jalan yang sempit, gelap dan melintasi sungai



Tidak sesuai untuk warga emas dan kanak-kanak.

Bandar Baru Nilai

Membeli pelbagai barangan dengan harga yang berpatutan.

Perabot rumah, langsir, pakaian, aksesori kereta, peralatan perkahwinan dan sebagainya.



Jawapan

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Banyak tempat menarik di Negeri Sembilan seperti Pantai Port Dickson, Hutan Lipur Gua Batu Maloi, dan Bandar Baru Nilai. Pantai Port Dickson sesuai dikunjungi oleh _____.

Terdapat kemudahan seperti _____.

Bagi mereka yang ingin meminati aktiviti lasak dan ingin menguji kecergasan fizikal, bolehlah menyertai aktiviti _____ di

Hutan Lipur Gua Batu Maloi. Para peserta perlu melalui laluan yang _____.

Namun, tempat ini tidak sesuai untuk warga emas dan kanak-kanak. Tempat seterusnya ialah Bandar Baru Nilai. Nilai tidak asing lagi dengan tempat membeli-belah. Pelbagai barangan dapat _____.

Ketiga-tiga tempat ini mempunyai keunikan dan keistimewaannya tersendiri

tempat penginapan dan kedai makan

menjelajah dan menerokai gua

dibeli dengan harga yang berpatutan

semua lapisan masyarakat

sempit, gelap dan melintasi sungai